



# POLISI KENYATAAN ANTIRASUAH

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik melalui budaya kerja berkualiti dan berintegriti. Selaras dengan hasrat dan usaha kerajaan dalam membendung gejala rasuah, polisi antirasuah DBKL dibangunkan sebagai langkah membanteras perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. DBKL menekankan "toleransi sifar terhadap rasuah" dalam memberikan perkhidmatan terhadap pemegang taruh, rakan niaga dan orang awam.



**DBKL komited untuk mematuhi semua peraturan dan keperluan standard antirasuah dengan:-**

- 1 Mewujudkan persekitaran kerja bebas rasuah;
- 2 Menyelaras dan mencapai objektif Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) serta memenuhi keperluannya;
- 3 Memahami dan mematuhi Undang-undang, peraturan, Polisi Antirasuah DBKL dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa;
- 4 Mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung perlakuan rasuah di DBKL;
- 5 Mewujudkan fungsi yang bertanggungjawab terhadap pematuhan antirasuah (Anti-bribery compliance function);
- 6 Mendidik dan membudayakan amalan kerja berintegriti bagi memperkukuhkan governans dalam penyampaian perkhidmatan;
- 7 Mendukung nilai-nilai ketelusan dan tadbir urus baik dalam organisasi;
- 8 Menekankan prinsip-prinsip antirasuah dalam semua urusan perkhidmatan dan interaksi dengan pihak luar, agensi kerajaan dan pemegang taruh;
- 9 Menggalakkan pelaporan sebarang kegiatan berunsur rasuah dengan menyediakan medium komunikasi yang bersesuaian dan memastikan maklumat dipelihara kerahsiaannya menerusi Garis Panduan Perlindungan Pemberi Maklumat Pegawai dan Kakitangan DBKL; dan
- 10 Memastikan pematuhan kepada peraturan; mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulhan.

*Polisi ini dijadikan rujukan dan panduan dalam membanteras gejala rasuah secara keseluruhannya dan membentuk sistem penyampaian perkhidmatan DBKL yang cemerlang dan berintegriti.*

*MAHADI*

(DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH)  
Datuk Bandar Kuala Lumpur  
Tarikh : 4 Januari 2023